

BAB  
KETIGA

## BAB KETIGA

### TEMPAT KEMBALI DAMIR.

#### 3.0 Pendahuluan

Hubungan di antara damir dan tempat kembalinya begitu kuat. Malah terdapat perbezaan bentuk dan peranan di antara damir bahasa Arab dan tempat kembalinya dengan kata ganti nama bahasa Malaysia dan tempat kembalinya. Dalam bab ini kita akan dapat melihat peranan yang dimainkan oleh damir dan tempat kembalinya dalam struktur ayat bahasa Arab.

#### 3.1 Tempat Kembali Damir

Damir adalah kata ganti nama bagi sesuatu ism yang maknanya tidak kelihatan pada damir. Maka perlulah terdapat tempat kembali bagi damir tersebut untuk menginterpretasi maksud damir. Menurut <sup>6</sup>Azizah Fawwāl Babtiy tempat kembali damir dari segi istilah ialah ism yang damir ghā'ib dan ghā'ibat merujuk kepadanya.<sup>1</sup> Sebagai contoh: ‘الكتاب اشتريته’ [al-kitāb isytaraytuhi] (buku itu saya telah beli). Damir ghā'ib ‘[hu]’ merujuk kepada ‘الكتاب’ [al-kitāb] (buku) yang bertindak sebagai pentafsir kepadanya. Pentafsir ini dinamakan sebagai “marjif damir” iaitu tempat kembali damir. Menurut <sup>6</sup>Azizah lagi, kedatangan tempat kembali ini khusus untuk damir ghā'ib adalah untuk

menggugurkan kesamaran dan seterusnya menerangkannya. **Damīr-damīr mutakallim** dan mukhātab tidak memerlukan kepada tempat kembali kerana orang yang berkata atau orang yang ditujukan kata-kata dapat menerang maksud **damīr** ketika mereka berkata-kata.<sup>2</sup>

Jarmanūs Farhāt pula mengambar tempat kembali **damīr** sebagai yang mendahului **damīr** dari segi sebutan atau makna atau hukum. Beliau seterusnya menghuraikan yang dimaksudkan dengan sebutan ialah perkataan atau lafadz yang disebut sebelumnya. Manakala yang dimaksudkan dengan makna ialah makna daripada lafadz yang disebut sebelumnya dan seterusnya yang dimaksudkan dengan hukum ialah seperti **damīr sya'na**.<sup>3</sup>

Sekiranya **damīr** itu merupakan kata ganti nama **mutakallim** atau **mukhātab** tempat kembalinya hadir dan kelihatan. Manakala sekiranya **damīr** itu ialah kata ganti nama bagi **ghā'ib** tempat kembalinya kadang-kadang disebut di dalam ayat seperti: ‘مُحَمَّدٌ أَبُو مُجْتَهِيدٍ’ [muhammad abūḥū mujtahid] (Muhammad bapanya seorang yang rajin) dan kadang-kadang tidak disebut seperti, firman Allah S.W.T:

[إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ]

[innā anzalnāhū]

(Sesungguhnya kami telah turunkannya).

**Damīr** ‘هـ’ [ha'] pada perkataan ‘أَنْزَلْنـاهـ’ [anzalnāhū] (kami telah turunkannya) merujuk kepada al-Qur'an yang tidak disebut di dalam ayat tetapi difahami daripada konteksnya. Kadang-kadang tempat kembali tidak difahami daripada konteks ayat tetapi difahami daripada konteks suasana seperti “يُجِبُّ أَنْ يَتَحَرَّكَ فِي مَيَادِهِ” [yajib an yataharrak fī mi‘ādihī] (ia seharusnya bergerak pada masa yang dijanjikan). **Damīr ghā’ib** ‘.’ [h] (nya) yang terdapat pada perkataan ‘مَيَادِهِ’ [mi‘ādihī] (masa yang dijanjikannya) merujuk kepada ‘القطـار’ [al-qitār] (keretapi) sekiranya kita mengambil kira konteks suasana ayat ialah di sebuah stesen keretapi.

Dalam bab ini secara khusus akan dibincangkan tempat kembali **damīr** bagi **damīr ghā’ib** berdasarkan kaedah nahu bahasa Arab. Segala isu yang berkaitan dengan tempat kembali **damīr** akan disentuh. Ini termasuklah konsep persejajaran ciri di antara **damīr** dan tempat kembalinya serta kaedah yang digunakan oleh ahli-ahli bahasa khusus ahli nahu dalam menentukan tempat kembali **damīr** yang sesuai bagi yang lebih daripada satu.

### 3.2 Tempat Kembali **Damīr** yang satu

#### 3.2.1 Bentuk-Bentuk Tempat Kembali **Damīr** dari Aspek Kedudukan

Bentuk tempat kembali **damīr** dari aspek kedudukan boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu terletak sebelum **damīr** dan selepas **damīr**.

### 3.2.1.1 Tempat Kembali yang Terletak Sebelum **Damīr**

Pada asalnya tempat kembali **damīr** hendaklah berada sebelum **damīr**. Ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu:<sup>4</sup>

#### A. Tempat Kembali Yang Terletak Sebelum **Damīr** Secara Jelas

Tempat kembali **damīr** yang terletak sebelum **damīr** secara jelas merupakan keadaan yang sering kali kita perhatikan di dalam struktur ayat bahasa Arab. Situasi ini merupakan yang paling kerap berlaku dan kedudukan yang sebenar bagi tempat kembali **damīr**. Contoh :

إشتريت القلم، لونه أسود. [Isytaraytu al-qalam. Lawnuhū aswad] (Saya telah membeli sebatang pen. Warnanya hitam.)

**Damīr ghā'ib** ‘الغائب’ [ha'] (nya) pada perkataan ‘لونه’ [lawnuhū] (warnanya) merujuk kepada **ism** sebelumnya ‘القلم’ [al-qalam] (pen) pada sebutan serta kedudukan. Ini merupakan tempat asal **damīr** perlu merujuk, iaitu kata nama yang berada atau disebut sebelum **damīr**.

## B. Tempat Kembali **Damīr** yang terletak sebelum **Damīr** Secara Abstrak

Tempat kembali yang mendahului **damīr** secara abstrak dapat diperhatikan dalam beberapa situasi, antaranya:<sup>5</sup>

- i. Tempat rujukan **damīr** mendahuluinya dari segi susunan tetapi tidak pada sebutan. Contoh :

كَبِدَ دَرْسَهُ الطَّالِبُ [kataba darsahū al-tālib] (telah menulis pelajarannya oleh pelajar itu)

Tempat kembali **damīr** pada perkatan ‘درست’ [darsahū] (pelajarannya) ialah ‘طالب’ [al-tālib] (pelajar) yang terletak selepas **damīr** dari sudut lafaz. Secara abstrak ia berada sebelum **damīr** kerana mengikut susunan asal struktur ayat, **fā'il** iaitu ‘طالب’ [al-tālib] (pelajar) berada sebelum **maf'ul** bih iaitu ‘درست’ [darsahū] (pelajarannya).

- ii. Tempat kembali **damīr** mendahuluinya secara tersirat (tidak secara jelas). Ini dipastikan dengan adanya lafaz lain yang mengandungi makna tempat kembali **damīr** sebagai petunjuk, dan mempunyai kaitan dengannya dari satu sudut lain iaitu sudut **isytiqāq** (derivasi). Contoh:

اصْبِرْ هُوَ خَيْرُ لَكَ [isbir huwa khairun laka] (Bersabarlah ia lebih baik bagi kamu)

Tempat kembali **damīr ghā'ib** ‘هُوَ’ [huwa] (ia) difahami dari perkataan ‘صَرْ’ [isbir] (bersabarlah) kerana **fīl** tersebut mengandungi maknanya serta menunjukkan maksudnya tetapi tidak secara terus terang dengan menggunakan lafaznya iaitu ‘صَرْ’ [sabr] (sabar), sebaliknya ia di fahami secara tersirat disebalik perkataan ‘صَرْ’ [isbir] (bersabarlah). Lafaz ‘صَرْ’ [isbir] (bersabarlah) dan ‘صَرْ’ [sabr] (sabar) ada kaitan dari sudut makna secara umum dan dari asal kata yang sama. Ini menunjukkan **damīr** juga boleh merujuk kepada sesuatu yang disebut sebelumnya secara tersirat bukan sahaja melalui sebutan.

- iii. Tempat kembali **damīr** terletak sebelum **damīr** tetapi ia bukan tempat rujukan **damīr** yang sebenar sebaliknya mempunyai persamaan dengan tempat kembali **damīr** secara lafaz. Contoh :

[‘indī dirhamun wa niṣfuhū] (saya mempunyai satu dirham setengannya)

**Damīr ghā'ib** ‘هُوَ’ [ha'] pada perkataan ‘صَدَقَةً’ [niṣfuhū] (setengahnya) merujuk kepada ‘درهم’ [dirham] (satu dirham) yang lain yang tidak terdapat di dalam ayat tetapi mempunyai persamaan dengan ‘درهم’ [dirham] (satu dirham) yang disebut di dalam ayat.

- iv. Sesuatu yang abstrak (sesuatu yang bukan sebutan) mendahului **damīr** menunjukkan kepada tempat rujukannya **damīr**. Contoh :

Seseorang duduk di dalam keretapi, bersamanya barang-barang perjalanan, kemudian dia berkata : ”يَجِبُ أَنْ يَتَحَرَّكَ فِي مَيَادِهِ“ [yajib an yataharrak fī mi<sup>c</sup>ādihī] (wajib ia bergerak pada masanya). Dapat diperhatikan di sini bagi **damīr** ‘الْمَاء’ [ha’] pada perkataan **[mi<sup>c</sup>ādihī]** (masanya) merujuk kepada ‘القطار’ [al-qitār] (keretapi).

Tempat kembali **damīr** tersebut iaitu ‘القطار’ [al-qitār] (keretapi) tidak mendahului **damīr** dari sudut lafaz tetapi difahami melalui keadaan sekeliling yang bersesuaian dengan konteks percakapan pada ketika itu. Keadaan yang menunjukkan kepada tempat kembali yang bukan lafaz dinamakan ‘القربة المعتبرة’ (**Qarīnat Ma<sup>c</sup>nawiyat**) atau ‘المقام’ (**Maqām**).

Kadang-kadang **damīr** juga berkemungkinan merujuk kepada kata nama yang paling hampir dengannya di dalam ayat. Sekiranya yang paling hampir dengannya adalah **mudāf ilayh** selalunya ia merujuki kepada **mudāf**. Walau bagaimanapun ia berkemungkinan merujuk kepada **mudāf ilayh** sekiranya terdapat sesuatu yang menentukannya. Contoh:

عَرَفْتُ مَضْمُونَ الرِّسَالَةِ ثُمَّ طَوَّبْتُها [‘araftu madmūn al-risālat thumma tawayuhā] (saya telah mengetahui kandungan surat itu kemudian saya telah melipatnya)

Dapat diperhatikan **damīr ghā'ib** ‘هـ’ [hā] (nya) yang terdapat pada **fi'l** ‘فـ’ [tawaytuha] (saya melipatnya) merujuk kepada perkataan ‘الرسالة’ [al-risālat] (surat) yang merupakan **mudāf ilayh** kerana terdapat sesuatu yang menentukannya di mana proses perbuatan daripada **fi'l** tersebut hanya dapat dilakukan terhadap ‘الرسالة’ [al-risālat] (surat) tidak ‘مضمون’ [madmūn] (kandungan).

**Damīr** juga berkemungkinan merujuk kepada sesuatu yang jauh jika terdapat petanda yang menunjukkan kepadanya. Contoh:

جاء المتجهد والجاهل فاكرمه [jā'a al-mujtahid wa al-jāhil fa'akramtuhū] (Orang yang rajin dan orang yang jahil telah datang lalu saya telah memuliakannya).

**Damīr ghā'ib** ‘هـ’ [h] (nya) pada **fi'l** ‘أكرمه’ [akramtuhū] (saya telah memuliakannya) merujuk kepada ‘المتجهد’ [al-mujtahid] (orang yang rajin) bukan kepada ‘الجاهل’ [al-jāhil] (orang yang jahil).

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas kedudukan bagi tempat kembali **damīr** yang paling tepat ialah di belakang **damīr**. Ini sejajar dengan peranan **damīr** sebagai kata ganti nama bagi kata nama yang tertera sebelumnya. Malah antara tujuan **damīr** didatangkan di dalam sesuatu ayat atau ujaran ialah sebagai ringkasan kepada kata nama

yang ada sebelumnya. Walau bagaimanapun **damīr** mungkin berada agak jauh daripada tempat kembali. Dalam hal ini, ia tidak menimbulkan sebarang permasalahan kerana terdapat bukti atau petanda yang membolehkan **damīr** merujuk pada tempat kembali yang sebenarnya.

### 3.2.1.2 Tempat Kembali **Damīr** terletak selepas **Damīr**

Seperti mana yang kita telah ketahui tempat rujukan bagi **damīr** berada sebelum **damīr** secara jelas atau abstrak. Walau bagaimanapun terdapat beberapa keadaan di mana **damīr** merujuk kepada kata nama yang berada selepas **damīr**. Ini disebabkan oleh keistimewaan retorik dan sesuatu yang agung dari sudut semantik, kerana **damīr** tersebut didatangkan dalam bentuk kesamaran dan kemudian diikuti oleh tafsirannya. Seterusnya pengetahuan mengenai tempat kembali tersebut lebih jelas kerana disebut sebanyak dua kali. Pertama secara ringkas kemudian secara terperinci.<sup>6</sup> Terdapat enam keadaan yang utama yang tempat kembali **damīr** mesti terletak selepas **damīr**.<sup>7</sup>

1. **Damīr** menjadi **fā'il** bagi kata kerja “ــ” [ni'ma] (sebaik-baik) dan “ــ” [bi'sa] (sejahat-jahat) serta yang seumpamanya, sekiranya **fā'il** tersebut ialah **damīr mustatir mufrad** dan selepasnya ialah kata nama **nakirat** yang menerangkannya.

Contoh:

“ــ رحـلـ صـدـيقـاـ” [ni'ma rajulan sadīqunā] (sebaik-baik lelaki sahabat kita).

**Damīr** ghaib **mustatir** ‘مر’ [huwa] yang terdapat pada kata kerja ‘نم’ [ni<sup>c</sup>ma] (sebaik-baik) merujuk kepada ‘رجل’ [rajulan] (lelaki) yang berada selepasnya.

2. **Damīr** berada di tempat jar dengan lafaz ‘رب’ [rubba] (boleh jadi). **Damīr** tersebut hendaklah **mufrad** dan **mudhakkār** serta yang mentafsirnya ialah kata nama **nakirat**. Contoh:

“ربُّ صَدِيقٍ يَعْنِي الشَّادِقَ” [rubbahu sadīqan, yu‘īnu al-syadā’id] (boleh jadi dia ialah sahabat, yang membantu dalam kesusahan).

**Damīr ghā’ib** ‘ه’ [h] (dia) yang terdapat pada perkataan ‘ربُّ’ [rubahū] (boleh jadi dia) merujuk kepada ‘صَدِيقٍ’ [sadīqan] (sahabat) yang berada selepas **Damīr**.

3. **Damīr** berada di tempat **rafa<sup>c</sup>** bagi **tanazu<sup>c</sup>** yang pertama. Contoh:

عَمَّارِبُونَ وَلَا يَعْنِي الْأَرَبَ [yuḥaribūn walā yajbunu al-<sup>c</sup>arab] (mereka berperang dan orang Arab tidak penakut).

**Damīr ghā’ib waw jam<sup>c</sup>** yang terdapat pada kata kerja ‘عنبر’ [yuḥaribūn] (mereka berperang) merujuk kepada ‘الْأَرَبَ’ [al-<sup>c</sup>arab] (orang Arab) yang berada selepas **Damīr**.

4. **Damīr** yang **tabī'nya** ialah kata nama yang nyata bagi menerangkannya. Contoh:

احتفلنا بقدوم العابر [ihtafalnā biqudūmihī al-ghā'ib] (kami telah meraikan kedatangannya yang tidak hadir).

**Damīr ghā'ib** ‘.’ [h] (nya) yang terdapat pada perkataan “بقدومه العابر” [biqudūmihī] (dengan kedatangannya) merujuk kepada “العابر” [al-ghā'ib] (yang tidak hadir) yang berada selepasnya dari aspek sebutan dan kedudukan iaitu **badal** bagi **damīr** tersebut. Tempat kembali **damīr** “العابر” [al-ghā'ib] (yang tidak hadir) ialah **badal** kepada **damīr ghā'ib** ‘.’ [h] (nya). Dalam struktur ayat bahasa Arab, **badal** hendaklah berada selepas **mubdal minhu** dari segi sebutan dan kedudukan. Dalam ayat di atas, ‘.’ [h] (nya) adalah **mubdal minhu**. Oleh itu ia mendahului tempat kembali dari sebutan dan kedudukan.

5. **Damīr** yang berada di tempat **mubtada'**, dan **khabarnya** ialah kata nama nyata, yang menerangkannya dan menginterpretasikan keadaannya. Seolah-olah kedua-duanya adalah satu dari sudut makna. Contoh:

هو الشجاع بحرب في المعركة [huwa al-syujā' yuharibu fi al-ma'rakat] (Dia seorang yang berani, berperang di dalam peperangan).

**Damīr ghā'ib** “هُوَ” [huwa] (dia) merujuk kepada ‘الشَّجَاعُ’ [al syujā‘] (yang berani) yang berada selepas **damīr** dari aspek sebutan dan kedudukan. Perkataan ‘الشَّجَاعُ’ [al-syujā‘] (yang berani) ialah **khabar** kepada ‘هُوَ’ [huwa] (Dia). Ia ialah tempat kembali bagi **damīr** tersebut. Walau bagaimanapun dalam struktur ayat bahasa Arab, **khabar** hendaklah berada selepas **damīr**. Oleh sebab itu, tempat **damīr ghā'ib** tersebut berada selepas **damīr** dari aspek sebutan dan kedudukan.

#### 6. **Damīr sya'n** dan **qissat**. Contoh:

بِهِ زَيْدٌ ذَاهِبٌ [innahū Zayd dhahib] (sesungguhnya Zaid pergi).

**Damīr ghā'ib** “.” [h] (nya) yang terdapat pada perkataan “ـــ” [innahū] (sesungguhnya) merujuk kepada “زَيْدٌ” [Zayd] (Zaid) yang berada selepas **damīr** dari aspek sebutan dan kedudukan.

#### 3.2.2 Persejajaran Ciri di antara **Damīr** dan Tempat Kembalinya

Persejajaran ciri di antara **damīr** dan tempat kembalinya melibatkan persoalan yang berkaitan dengan genus dan bilangan di dalam pengolongan kata bahasa Arab.

Berbalik kepada persoalan persejajaran ciri di antara **damīr** dan tempat kembalinya, seperti yang kita telah ketahui bahawa **damīr ghā'ib** mesti mempunyai tempat kembali. Persejajaran ciri yang wajib antara **damīr ghā'ib** dan tempat kembalinya mungkin berlaku antara **mubtada'** dan **khabar**, **na'at** (sifat) dan **man'ūtnya** (kata nama sifatan), **hāl** dan **sahibnya** dan lain-lain. Berikut adalah kaedah-kaedah berkaitan persejajaran ciri **damīr**.<sup>8</sup>

1. Sekiranya tempat kembali **damīr** adalah **mufrad mudhakkár** atau **mu'annath**, mengikut pendapat paling tepat - **damīr ghā'ib** wajib seajar dengan tempat kembalinya dari sudut bilangan dan genus. Contoh:

‘**m**’ [al-nā’im tayaqqaza] (orang yang tidur telah bangun) iaitu ‘**م**’ [huwa] (dia ‘**m**’)

[al-gharībat ḥādat sālimat] (wanita yang merantau telah pulang dengan selamat) iaitu ‘**هي**’ [hiya] (dia ‘**f**’).

Begitulah juga keadaannya sekiranya tempat kembali adalah **muthannā mudhakkár** dan **muthannā mu'annath**. Contoh:

[al-nā'imān tayaqqazā] (dua orang yang tidur telah bangun).

[al-gharībatān ḥādatā sālimatayn] (dua wanita perantau telah pulang dengan selamat).

2. Sekiranya tempat kembali adalah **jam<sup>c</sup> mudhakkār sālim**, mengikut pendapat kebanyakan ahli bahasa ḍamīrnya adalah waw **jama<sup>c</sup>āt**, contoh:

[al-mukhlisūn intasarū] (orang-orang yang ikhlas telah menang)

3. Sekiranya tempat kembali adalah **jam<sup>c</sup> mu'annath sālim** yang tidak berakal maka sebaiknya untuk ḍamīr bagi tempat kembali tersebut adalah **mufrad mu'annath**.

Contoh:

[al-syajarāt irtafa<sup>c</sup>at] (pokok-pokok telah tinggi)

dan

[al-syajarāt saqaituha] (pokok-pokok itu saya telah menyiramnya)- iaitu

'[hiya] (ia 'feminin')

Walau bagaimanapun diharuskan digunakan damīr nun niswat. Contoh:

الشجرات ارتفعن [al-syajarāt irtafa<sup>c</sup>na] (pokok-pokok telah tinggi)

Tetapi mengikut pendapat ahli-ahli bahasa penggunaan damīr mufrad mu'annath adalah lebih baik daripada **nun niswat**.

Sekiranya tempat kembali adalah **jam<sup>c</sup> mu'annath** yang berakal maka sebaiknya digunakan damīr nun niswat sama ada tempat kembali adalah **jam<sup>c</sup> mu'annath sālim**, contoh:

الطالبات حضرن [al-tālibāt hadarna,] (pelajar-pelajar perempuan telah datang.)

atau **jam<sup>c</sup> taksīr** bagi **mu'annath**, contoh

الغران تعلمن [al-ghawāniyī ta<sup>c</sup>allamna,] (wanita-wanita yang cantik telah belajar.).

Walaupun begitu harus digunakan damīr mufrad mu'annath. Contoh:

الطالبات حضرت [al-tālibāt hadarat,] (pelajar-pelajar perempuan telah datang.).

الغران تعلمت [al-ghawāniyī ta<sup>c</sup>allamat,] (wanita-wanita yang cantik telah belajar.).

Mengikut pendapat ahli-ahli bahasa penggunaan **damīr nun niswat** adalah lebih baik daripada **damīr mufrad**.

4. Sekiranya tempat kembali **damīr** adalah **jam<sup>c</sup> taksir**, yang mana **mufradnya** adalah **mudhakkār** yang berakal - harus digunakan **damīr waw jama<sup>c</sup>at** iaitu sebagai memberi pertimbangan kepada lafaz **jam<sup>c</sup>**, di samping itu boleh digunakan **damīr mufrad mu'annath** beserta **ta' ta'nith** pada **fī'l** dan seumpamanya. **Ta'nith** tersebut sebagai memberi pertimbangan kepada makna ‘الجماعۃ’ [al-jamā'at] (kumpulan).

Contoh:

الرجال حضروا [al-rijāl hadarū] (lelaki-lelaki telah datang).

dan

الرجال حضرت [al-rijāl hadarat] (lelaki telah datang).

Di samping itu diharuskan kedua-dua perkara tersebut, adalah lebih baik digunakan **damīr ta'nith** sekiranya **‘amil fā'il** bersambung dengannya alamat **ta'nith** dan lebih baik digunakan **damīr tadhkir** sekiranya tidak terdapat pada **‘amilnya** tanda **ta'nith**, contoh:

[jā'at al-rijāl kulluhā] (telah datang pelajar-pelajar lelaki semuanya).

Damīr ghā'ib ta'nith ‘هَا’ [ha] (nya) digunakan bagi merujuk kepada tempat kembalinya iaitu [al-rijal] (lelaki-lelaki). Ini kerana [al-rijal] (lelaki-lelaki) adalah fā'il, dan ‘āmil baginya iaitu fī'l ‘جاء’ [jā'a] (telah datang) telah bersambung dengan alamat ta'nith iaitu ‘هَا’.

dan

[hadara al-abtāl kulluhum] (telah datang pahlawan-pahlawan semuanya).

Damīr ghā'ib tadhkir ‘هُمْ’ [hum] (nya) digunakan bagi merujuk kepada tempat kembalinya iaitu [al-abtal] (pahlawan-pahlawan). Ini kerana [al-abtal] (pahlawan-pahlawan) adalah fā'il, dan ‘āmil baginya iaitu fī'l ‘حضر’ [khadara] (telah hadir) tidak bersambung dengan alamat ta'nith iaitu ‘هَا’.

Sekiranya **mufrad** bagi tempat kembali **jam<sup>c</sup>** **taksir** adalah **mudhakkár** tidak berakal, atau **mu'annath** tidak berakal, harus digunakan **damīr mufrad mu'annath** atau **nun niswat** yang menunjukkan **jam<sup>c</sup>** **inath**, contoh:

[الكتب نفعت / نفع] [al-kutub nafa<sup>c</sup>at/nafa<sup>c</sup>na] (kitab-kitab itu bermanfaat)

Di samping itu dari sudut uslub yang baik kita dapat penggunaan **damīr mufrad mu'annath** dan **jam<sup>c</sup> mu'annath** turut memainkan peranan dari sudut semantik. **Damīr mufrad mu'annath** digunakan sekiranya maksud daripada **jam<sup>c</sup> taksīr** yang menjadi tempat kembali **damīr** menunjukkan kepada banyak. Manakala digunakan **nun niswāt** iaitu tanda bagi **damīr jam<sup>c</sup> mu'annath** sekiranya bermaksud sedikit.<sup>9</sup>

Contoh:

[qadaytu bi al-Qāhirat ayyāman khalat,] (saya telah habiskan di

Kaherah beberapa hari yang lalu,)- Sekiranya hari-hari itu adalah banyak.

dan

[qadaytu bi al-Qāhirat ayyāman khalawna] (saya telah habiskan di

Kaherah beberapa hari yang lalu, ) - Sekiranya hari-hari itu adalah sedikit.

[hadhihi aqlām takassarat, wa ḥindī aqlām salimna] (ini  
adalah pen-pen yang telah patah, saya mempunyai pen-pen yang elok) -Sekiranya  
bilangan yang patah adalah banyak dan pen-pen yang elok sedikit.

5. Sekiranya tempat kembali adalah **ism jam<sup>c</sup>** yang bukan khusus untuk perempuan, seperti [al-rakb] (rombongan) dan [القَوْمُ] ( kaum). Haruslah digunakan **damīr waw jama<sup>c</sup>āt** dan **mufrad mudhakkār**. Contoh:

سفر [al-rakb sāfarū / sāfara] (rombongan itu telah bertolak).

dan

غاب [al-qawm ghabū / ghāba] ( kaum itu telah tiada).

Sekiranya tempat kembali adalah **ism jam<sup>c</sup>** yang khusus bagi perempuan contoh: سُرْة 'niswat' [niswat] (perempuan-perempuan), نِسَاء 'nisā' [nisā'] (wanita-wanita) – harus digunakan **damīr nun niswat** atau **damīr mufrad mu'annath**. Walau bagaimanapun penggunaan **nun niswat** adalah lebih baik daripada **damīr mufrad**.

6. Sekiranya tempat kembali adalah **ism jins jam<sup>c</sup>iy** harus digunakan **damīr mufrad mudhakkār** atau **mu'annath**, contoh:

كثيرة أوراقه / أوراقها الشجر [al-syajaru awrāquhū / awrāquha kathīrat] (Pokok-pokok itu daunnya lebat).

7. Sekiranya tempat kembali **damīr** berada sebelum **damīr**, tetapi ia berbeza dengan sesuatu selepasnya dari sudut **tadhkir** dan **ta'nith**, sedangkan kedua-duanya mempunyai hubungan *i'rab* yang kukuh, pada ketika itu harus digunakan **damīr tadhkir** atau **ta'nith**, kerana memberi pertimbangan kepada genus **ism** yang terletak selepas **damīr** atau kepada genus **ism** yang terletak sebelum **damīr**.<sup>10</sup> Contoh:

فاطمٌ مُنْظَرٌ وَهِيَ نَذِيرٌ مَدِيقَةٌ [al-hadīqat nadīrat, wa hiya/huwa manzar fātin] (taman itu subur menghijau, dan ia 'f' / ia 'm' adalah pemandangan yang memukau)

**Ism-isim** isyarat yang kadang-kadang memerlukan kepada persejajaran ciri turut menggunakan kaedah ini, contoh:

أصيل حِبْرِي مَطْلَبٌ وَهُنَّ مَطْلَبٌ غَنِيٌّ الصَّنَاعَةُ [al-sinā'at ghina wa hādhihī matlab hayawiy asīl] (perkilangan satu kekayaan dan ini 'f' keperluan kehidupan yang utama) atau [wahādha matlab hayawiy asīl] (dan ini 'm' keperluan kehidupan yang utama).

8. Sekiranya tempat kembali **damīr** ialah ‘كَمْ’ [kam] (beberapa) harus dipertimbangkan lafaz atau maknanya dalam pemilihan **damīr**.<sup>11</sup>

Ini adalah kerana lafaz ‘كَمْ’ [kam] (beberapa) ialah **ism mufrad mudhakkar**, tetapi ia boleh diinterpretasikan kepada bilangan yang banyak atau sedikit, genus **mudhakkar** atau **mu’annath**, contoh:

كَمْ صَدِيقٌ قَدِيمٌ / قَدِيمُوا لِلزِيَارَةِ. [kam sadīq qadima/qadamū li al-ziyārat] (banyak orang sahabat telah datang untuk ziarah)

Di sana terdapat perkataan-perkataan lain menyerupai ‘كَمْ’ [kam] (beberapa) pada hukumnya yang lalu, diantaranya ‘كَلَّا’ [kilā] (kedua-dua ‘m’) dan ‘كَلَّتَّا’ [kiltā] (kedua-dua ‘f’), ‘مَنْ’ [man] (orang yang), ‘مَا’ [mā] (apa yang), ‘كُلْ’ [kul] (setiap/se semua) dan ‘أَيْ’ [ayy] (yang mana). Begitu juga perkataan ‘بَعْضٌ’ [ba‘d] (setengah) dalam beberapa keadaan.

9. Sekiranya bagi **damīr** ada dua tempat rujukan atau banyak yang mempunyai perbezaan dari segi kekuatannya, ia merujuk kepada yang paling kuat.<sup>12</sup> Maksud perbezaan kekuatan ialah perbezaan yang berlaku antara jenis-jenis **ma‘rifat** pada tahap peringkat **ta‘rif**. Maka **damīr** lebih **ma‘rifat** daripada **‘alam** dan **‘alam** lebih

**ma<sup>c</sup>rifat** daripada **isyarat** dan seterusnya. **Damīr-damīr** itu sendiri berbeza pada tahap peringkat **ta<sup>c</sup>rifnya**, **damīr mutakallim** lebih **ma<sup>c</sup>rifat** daripada **damīr mukhātab** dan **damīr mukhātab** lebih **ma<sup>c</sup>rifat** daripada **damīr ghā'ib**.

Apabila bagi satu **damīr** terdapat dua tempat rujukan, iaitu **damīr mutakallim** dan **damīr mukhātab** - didahulukan **mutakallim** mengikut pendapat yang lebih tepat, contoh:

أنا وانت سافرنا. [anā wa anta sāfarnā] (saya dan awak ‘m’ kita telah pergi merantau).

tidak boleh dikata:

أنا وانت سافرتما. [anā wa anta sāfartumā] (saya dan awak ‘m’, awak berdua telah pergi merantau).

Dan sekiranya tempat kembali ialah **mukhātab** dan yang lain **ghā'ib**, didahulukan **mukhātab**, contoh:

انت وهمو ذهبتما. [anta wa huwa dhahabtumā] (awak ‘m’ dan dia ‘m’ kamu berdua telah pergi).

dan tidak boleh disebut

أنت وهو ذهبا [anta wa huwa dhahabā] (awak ‘m’ dan dia ‘m’ mereka berdua telah pergi) melainkan sedikit dan tidak sesuai lagi.

Sekiranya tempat kembali ialah lain **‘alam** atau **ma‘rifat** yang lain, diutamakan **damīr** contoh:

أنا وعلي أكلنا [anā wa ‘alī akalnā] (saya dan Ali kami telah makan).

dan tidak disebut mengikut pendapat yang lebih tepat ‘أكلنا’ [akalā] (mereka berdua telah makan ‘m’)

Sekiranya tempat kembali adalah **damīr mutakallim** dan **ism mawsul**. Harus digunakan **damīr mutakallim** dan **damīr ghā’ib**. Maka kita katakan

أنا الذي سافرت [anā alladhi sāfartu] (sayalah yang telah pergi merantau).

dan ini lebih baik daripada

أنا الذي سافر [anā alladhi sāfara] (sayalah yang dia telah pergi merantau ‘m’). mengikut pendapat ahli-ahli bahasa penggunaan **damīr mutakallim** adalah lebih tepat daripada **damīr ghā’ib**.

Walaupun meninggalkan keutamaan adalah harus, namun ia tidak dituntut.

10. Sekiranya tempat kembali **damīr** dari segi lafaz sesuai untuk **mudhakkār** dan **mu'annath** - seperti perkataan 'الروح' [al-rūh] (roh) harus digunakan **damīr** yang merujuk kepada **mudhakkār** atau **mu'annath**,<sup>13</sup> contoh:

الروح هي / هو من الأسرار الإلهية.  
[al-rūh hiya / huwa min al-asrār al-ilahiyyat] (ruh ia 'f / 'm' merupakan antara rahsia-rahsia ketuhanan).

Sekiranya dua **damīr** merujuk kepada sesuatu lafaz perkataan yang boleh dianggap **mudhakkār** dan **mu'annath** harus digunakan kedua-duanya serentak dalam ayat yang sama, contoh:

الروح هي من الأسرار الإلهية التي لم يعرف حقائقه حتى اليوم.  
[al-rūh hiya min al-asrār al-ilahiyyat lam yu'rif haqiqatuhu hatta al-yawm] (ruh ia 'f merupakan antara rahsia-rahsia ketuhanan yang tidak diketahui hakikatnya 'm' sehingga sekarang).

11. Pada **damīr** selepas 'اَوْ' [aw] (atau) yang menunjukkan syak atau keraguan hendaklah digunakan **damīr mufrad** mengikut kebanyakan pendapat,<sup>14</sup> contoh:

شَاهِدْتُ الْمَرِّيخَ أَوِ الْقَمَرَ يَتَحَرَّكَ [syāhidtu al-marīkh aw al-qamar yataḥarrak] (saya telah saksikan planet Marikh atau bulan bergerak).

Adapun selepas ‘وَ’ [aw] al-tanwi‘iyat yang menerangkan jenis-jenis dan bahagian-bahagian maka hendaklah ada persejajaran ciri,<sup>15</sup> seperti firman Allah Ta‘ala:

[إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَى بِهِمَا] [in yakun ghaniyyan aw faqiran fa Allāh awlā bihimā] (sama ada kamu kaya atau fakir, maka Allahlah yang lebih utama daripada keduanya).

Dalam menentukan kedudukan tempat kembali **damīr ghā'ib** khasnya persejajaran ciri adalah unsur yang utama diberi tumpuan. Genus dan bilangan merupakan dua kriteria penting yang memastikan agar terbentuk persejajaran ciri di antara **damīr** dan tempat kembalinya. **Damīr** dan tempat kembalinya hendaklah selari dalam kedua-dua kriteria ini. Ini penting kerana peranan **damīr** di dalam struktur ayat bahasa Arab ialah sebagai pengikat (**rabit**). Sekiranya tidak terbina keselarian di antara **damīr** dan tempat kembali dari segi genus dan bilangan, maka ikatan di antara keduanya terputus, seterusnya struktur ayat akan bercelaru.

Namun begitu adakalanya berlaku penyimpangan di antara **damīr** dan tempat kembalinya dari segi genus dan bilangan seperti mana yang terdapat dalam contoh-contoh sebelum ini. Di samping itu terdapat juga penyimpangan di antara **damīr** dan

tempat kembalinya dari sudut persejajaran ciri yang bukan berkaitan dengan sintaksis tetapi dari sudut semantik, khususnya di dalam ayat-ayat suci al-Qur'an. Persoalan ini akan diuraikan dengan panjang lebar di dalam bab yang keempat nanti.

### 3.3 Tempat Kembali **Damīr** Yang Banyak

Asalnya tempat kembali **damīr ghā'ib** ialah satu. Sekiranya terdapat banyak tempat kembali **damīr**, **damīr** tersebut dikehendaki merujuk hanya kepada satu tempat kembali. Oleh itu, terdapat dua konsep yang digunakan oleh ahli-ahli bahasa dalam menentukan tempat kembali **damīr** yang sesuai, iaitu:

#### 3.3.1 Penentuan Tempat Kembali **Damīr** Berdasarkan Bukti di dalam Ayat

Dalam hal ini, **ism** atau sesuatu yang diujarkan yang terdekat dengan **damīr** lebih utama ditentukan menjadi tempat kembali **damīr**.<sup>16</sup> Malah menurut al-Suyūtiy tempat kembali **damīr** yang asal ialah yang paling hampir disebut.<sup>17</sup> Contoh :

حضر محمد وضيف فاكرمه [hadara Muhammad wa ḏayf fa akramtuhū] (Muhammad dan tetamu telah datang lalu saya telah memuliakannya).

Maka tempat rujukan **damīr ghā'ib** ‘مَيْ’ [ha'] pada perkataan ‘فَأَكْرَمْتُهُ’ [fa akramtuhū] (lalu saya telah memuliakannya) ialah ‘صَبَّ’ [dayf] (tetamu) kerana ia adalah yang terdekat dengan **damīr** dalam ayat tersebut. Jika ia merujuk kepada kedua-duanya, ia telah menyalahi konsep persejajaran ciri yang wajib di antara **damīr** dan tempat kembali. Ini kerana **damīr** mufrad tidak boleh merujuk kepada sesuatu yang **muthannā**.

Sebenarnya kaedah ini turut disentuh oleh ahli-ahli nahu lain dalam menentukan tempat kembali **damīr ghā'ib** yang sesuai. Al-Radiy misalnya telah berpendapat:

“*ketahuilah sesungguhnya apabila terdapat dua benda atau lebih (tempat rujukan) yang sesuai untuk mentafsir, maka yang mentafsir ialah yang paling hampir bukan yang lain, contoh: [جَاءَنِي زَيْدٌ وَبَكَرٌ فَضَرَّتِهِ ‘ja'anī zaydū wa bakrū fadharabtuhi] (Zaid dan Bakar telah datang lalu aku memukulnya) iaitu saya telah pukul Bakar, dan harus bersama bukti untuk merujuk kepada yang lebih jauh. Contoh: [جَاءَنِي عَالِمٌ وَجَاهِلٌ فَأَكْرَمْتُهُ ‘ja'anī 'alim wa jahil fa'akramtuhū] (orang alim dan orang jahil telah datang lalu aku menghormatinya)*”.<sup>18</sup>

Manakala dalam membincangkan tempat kembali **damīr ghā'ib** adalah **mudāf ilayh**. Ibn Malik pula berpendapat “bukan pentafsir bagi **damīr ghā'ib** melainkan yang paling hampir dengannya kecuali ada bukti”.<sup>19</sup> Sebaliknya al-Damaminiy berpendapat:

“*seharusnya yang dimaksudkan dengan yang paling hampir ialah yang bukan merupakan mudāf ilayh dan sekiranya yang paling hampir ialah mudāf ilayh maka **damīr** tersebut bukan untuknya kecuali ada bukti*”.<sup>20</sup>

Pendapat ini sama dengan pendapat yang diutarakan oleh penulis kitab *Nar al-Qura* yang mengatakan pada asalnya **damīr** merujuk kepada tempat kembali yang paling

hampir iaitu yang bukan **mudāf ilayh**. Ia merujuk kepada **mudāf** kerana ia merupakan subjek perbincangan. Sangat sedikit **ḍamīr** yang merujuk kepada **mudāf ilayh**. Kadang-kadang **ḍamīr** merujuk kepada yang jauh sekiranya terdapat petunjuk atau bukti iaitu *dilalat al-maqam*.<sup>21</sup>

Di samping itu terdapat juga pendapat yang tidak menerima konsep ini untuk menentukan tempat kembali yang sesuai bagi **ḍamīr ghā'ib**. Misalnya Ibn Sabban, beliau berpendapat konsep ini boleh diterima pakai sekiranya **ḍamīr ghā'ib** tersebut ialah **ḍamīr mufrad** dan terdapat dua atau lebih **ism** atau tempat yang boleh menjadi tempat kembali **ḍamīr** tersebut. Tetapi sekiranya **ḍamīr ghā'ib** tersebut ialah **ḍamīr jam<sup>c</sup>** dan terdapat dua atau lebih **ism** atau tempat kembali yang **jam<sup>c</sup>** maka disini akan timbul permasalahan dalam menentukan tempat kembali yang sesuai. Beliau memberi contoh: ‘سَاءَ الرِّبِيدُونَ وَالْعَمَرُونَ وَأَكْرَمُهُمْ’ [jā’ a al Zaydun wa al ‘Umarun wa ’akramtuhum] (Zaid-zaid dan Omar-omar telah datang dan saya menghormati mereka).<sup>22</sup> **Damīr** ‘—’ [hum] (mereka) boleh merujuk kepada **‘الرِّبِيدُونَ’** [al-‘Umarūn] (Omar-Omar) atau **‘الْعَمَرُونَ’** [al-Zaydūn] (Zaid-Zaid) dan boleh merujuk kepada kedua-duanya. Dalam erti kata lain konsep ini hanya boleh diterima pakai sekiranya **ḍamīr** tersebut adalah **mufrad** sahaja.

Oleh itu, sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan tempat kembali bagi **ḍamīr** bukannya yang terdekat maka hendaklah ia dirujukkan kepada tempat yang sepatutnya. Contoh :

حضرت سعاد وضيف فاكرمتها [khadarat Su<sup>ād</sup> wa dayf fa akramtuhu] (Suad dan tetamu telah datang lalu saya telah memuliakannya ).

**Damīr ghā'ib** ‘هـ’ [ha] pada perkataan ‘فـاـكـرـمـتـهـا’ [fa akramtuhu] (lalu saya menghormatinya) tidak boleh dirujukkan kepada perkataan ‘ضـيـفـ’ [dayf] (tetamu) walaupun ia merupakan kata nama yang terdekat kerana **damīr** tersebut menunjukkan genus **mu'annath** sedangkan kata nama yang paling hampir dengannya ialah **mudhakkar**. Persejajaran ciri yang sepatutnya wujud di antara **damīr** dan tempat kembalinya telah tiada maka **damīr** tersebut hendaklah dirujukkan kepada tempat yang sepatutnya iaitu ‘سعـاد’ [Su<sup>ād</sup>] (Suad) agar persejajaran ciri terpelihara.

Manakala sekiranya tempat kembali yang terdekat ialah **mudāf ilayh**, maka ia hendaklah dirujukkan kepada **mudāf**, dengan syarat hendaklah perkataan **mudāf** tersebut bukan ‘كـلـ’ [kul] (setiap) atau ‘جـمـعـ’ [jamī'] (semua). Contoh :

زارني وآل الصديق فـاـكـرـمـهـ [zāraniy wālid al-sadīq fa akramtuhū] (bapa kawan saya telah datang lalu saya telah memuliakannya)-bapa kawan saya-

Sementara itu sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan bahawa maksud **damīr** menunjukkan tempat kembalinya ialah **mudāf ilayh** bukan **mudāf** maka hendaklah mengikut bukti tersebut. Contoh :

[<sup>فَ</sup>arafTU madmUN al-risALAT thumma tawaytuhā] (saya telah عرف مضمون الرسالة ثم طرحتها.)  
mengetahui kandungan surat itu kemudian saya telah melipatnya)

Damīr mu'annath pada perkataan ' طرحتها ' [tawaytuhā] (saya telah melipatnya) merupakan bukti menunjukkan tempat kembalinya ialah dari genus **mu'annath**. Maka tempat kembali yang sesuai bagi **damīr** tersebut ialah **mudāf ilayh** iaitu perkataan ' الرسالة ' [al-risālat] (surat) bukannya **mudāf** ' مضمون ' [madmūn] (isi kandungan) kerana ia adalah dari genus **mudhakkār**.

### 3.3.2 Penentuan Tempat Kembali Damīr Berdasarkan Kekuatan Ma'rifatnya

Seperti yang disebut dalam bab ini ketika mengulas mengenai konsep persejajaran ciri di antara **damīr** dan tempat kembalinya, bahawa sekiranya bagi **damīr** ada dua atau banyak tempat kembali, yang mempunyai perbezaan dari segi kekuatan **ma'rifatnya**, maka ia merujuk kepada yang paling kuat.<sup>23</sup> Dalam pada itu, sekiranya tempat kembali **damīr** adalah banyak tanpa ada perbezaan dari segi kekuatannya iaitu perbezaan yang berlaku antara jenis-jenis kata nama khusus pada tingkat **ma'rifat** dan kebiasaannya, maka **damīr** tersebut merujuk kepada kesemuanya, tanpa dibataskan perkara tersebut kepada mana-mana satu. Contoh:

[jā'a al-aqārib wa al-asdiqā' wa akramtuhum] (sanak حماء الانصار واصدقائه وآكرماتهم)  
saudara dan sahabat handai telah datang lalu saya telah memuliakan mereka)

Seeloknya **damīr** pada perkataan ‘اَكْرَمْتُهُمْ’ [akramtuhum] (lalu saya telah memuliakan mereka) dirujukkan kepada seluruhnya ‘الْأَقْرَبُ وَالْأَسْدِيقُ’ [al-aqārib wa al-asdiqā] (sanak saudara dan sahabat handai) tidak kepada yang terdekat sahaja.

Ringkasnya dalam menentukan tempat kembali yang sebenar bagi **damīr**, khususnya bagi **damīr ghā'ib** yang mempunyai dua atau lebih tempat kembali yang sesuai untuk dirujuk kepadanya dari segi makna dan persejajaran ciri, terdapat beberapa ciri-ciri penting yang perlu diutamakan, iaitu menentukan kata nama yang paling hampir untuk dijadikan tempat kembali kepada **damīr** tersebut dan mengutamakan kata nama yang lebih kuat dari segi kedudukan **ma'rifatnya**.

### 3.4 Penutup

Dalam struktur ayat bahasa Arab, **damīr** mempunyai peranan yang penting. Ia bukan sahaja sebagai kata ganti nama bagi kata nama yang disebut atau yang dimaksudkan sebelumnya, tetapi juga sebagai rabt (pengikat) atau penghubung jalin di antara satu perkataan dengan perkataan lain agar terbentuk kesinambungan di dalam sesuatu ayat. Di samping itu tempat rujukan bagi **damīr** khusunya bagi **damīr ghā'ib** perlu ditentukan dengan sebaiknya kerana ia merupakan pentafsir bagi **damīr** tersebut. **Damīr** yang dirujuk kepada tempat kembali yang salah akan membentuk maksud yang salah.

## Nota Hujung

<sup>1</sup> <sup>c</sup>Azizah Fawwāl Babtiy. *Al-Mu'jam al-Mufassal ft al-Nahw al-'Arabiyy*, juz. 2, hal. 964.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Jarmanūs Farhāt. *Mu'jam wa dirasat ft al-Nahw al-'Arabiyy*, häl. 141.

<sup>4</sup> <sup>c</sup>Abbās Hassan. *Al-Nahw al-Waqfīy*, jil. 1, häl. 256, 257 dan 258.

<sup>5</sup> <sup>c</sup>Azizah Fawwāl Babtiy. *Op.cit*, hal. 720.

<sup>6</sup> <sup>c</sup>Azizah Fawwāl Babtiy. *Op.cit*, juz. 2, hal. 717.

<sup>7</sup> <sup>c</sup>Abbās Hassan. *Op.cit*, jil. 1, häl. 259, 260 dan 261. Al-Suyūtiy. *Al-Asybāh wa al-Nazd'ir ft al-Nahw*, hal. 77 – 78. <sup>c</sup>Azizah Fawwāl Babtiy. *Op.cit*, juz. 2, hal. 717 dan 718. <sup>c</sup>Abd al-Ghaniy. *Mu'jam al-Qawāfi'd id al-'Arabiyyat ft al-Nahw wa al-Tasrif*, hal. 296. Misyāl <sup>c</sup>Asiy dan Imel Badi<sup>c</sup> Ya<sup>c</sup>qub. *Al-Mu'jam al-Mufassal ft al-Lughāt wa al-Addb*, jil. 1, hal. 427.

<sup>8</sup> <sup>c</sup>Ali Ridā. *Al-Marja' ft al-Lughat al-'Arabiyyat*, hal. 40. <sup>c</sup>Abbās Hassan. *Op.cit*, jil. 1, häl. 262 - 230.

<sup>9</sup> <sup>c</sup>Azizah Fawwāl Babtiy. *Op.cit*, hal. 718-720. <sup>c</sup>Abd al-Ghaniy. *Ibid*, hal. 292. Misyāl <sup>c</sup>Asiy dan Imel Badi<sup>c</sup> Ya<sup>c</sup>qub. *Ibid*, jil. 1, hal. 427.

<sup>10</sup> *Ibid. Ibid.*

<sup>11</sup> *Ibid. Ibid.*

<sup>12</sup> *Ibid. Ibid.*

<sup>13</sup> *Ibid. Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid. Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid. Ibid.*

<sup>16</sup> *Ibid*, jil. 1, häl. 261 dan 262. *Ibid*, hal. 718.

<sup>17</sup> Al-Suyūtiy. *Mu'tarik al-Aqrān ft fījāz al-Qur'an*, jil. 3, häl 465.

<sup>18</sup> Ibn Hājib. *Syarḥ al-Kaftiyat*, jil. 2, häl. 4

<sup>19</sup> Ibn Mālik. *Al-Tashil*, häl. 29.

<sup>20</sup> Ibn Ṣabbān. *Hāsiyyat Ibn Ṣabbān 'alā syarḥ al-Asymāniy 'alā Alfīyyat Ibn Mālik wa Ma'ahu Syarḥ Syawāhid al-'Ayniy*. Jil. 1, häl. 108-109.

<sup>21</sup> Lihāt. Jarmanus Farhāt. *Op.cit*, häl 142.

<sup>22</sup> Ibn Ṣabbān. *Op.cit*, jil. 1, häl. 108.

<sup>23</sup> Lihāt hal. 69 dalam disertasi ini.